

01/01/1997

MT bincang isu MB Selangor

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Tertinggi (MT) Umno yang akan bermesyuarat 11 Januari ini mungkin membincangkan isu penahanan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib di Australia baru-baru ini.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata bagaimanapun kemungkinan itu bergantung kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno.

"Kalau Presiden kata ada, adalah...kerana dia saja yang tahu. Saya tidak tahu apa agenda mesyuarat 11 Januari ini dan sebarang keputusan bergantung kepada Presiden," katanya menjawab soalan pemberita selepas melancarkan Pertandingan Mencari Harta Karun Tahun Melawat Terengganu 1997 (TMT 97), di sini hari ini.

TMT 97 akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu malam ini.

Kerajaan Terengganu menyediakan 62 acara antarabangsa dan kebangsaan seperti Jambori Pengakap Asia Pacific yang akan diadakan di Bukit Keluang Besut, Ekspo Tekstil dan Seminar Penghayatan Islam, Pertandingan Kucing Cantik, Kejohanan Silat Nusantara di Kuala Terengganu dan Pertandingan Bunga Api.

(END)